

## Didaktisisme Islami dalam Cerpen Melayu Mutakhir

### *Islamic Didacticism in Contemporary Malay Short Stories*

MAWAR SAFEI

#### ABSTRAK

*Hubungan rapat “pengarang guru” dalam perkembangan cerpen Melayu bermula seawal dekad 20-an dengan kebanyakan iltizamnya menulis akan perihal pendidikan. Senarai panjang golongan ini bukan hanya dalam ruang kawasan persekolahan, malah mereka seterusnya merupakan “pengarang guru” yang memberi kuliah di universiti. Kamariah Kamarudin merupakan nama terkini dalam senarai panjang berkenaan. Pengalaman membaca sebuah karya terbaru Kamariah Kamarudin, menerusi kumpulan cerpen Catatan Cinta Anakanda Bonda (ITBM 2013), melihat hubungannya dengan jurus pendidikan yang diwakili sama ada sebagai latar pengajian atau kerjaya. Kajian memanfaatkan prinsip Takmilah dan konsep “didaktisisme.” Dapatan kajian memerihalkan didaktisisme secara berstruktur, memenuhi ruang naratif “langgam keilmiahan” kumpulan cerpen Catatan Cinta Anakanda Bonda. Didaktisisme yang diungkap dalam perihal syukur, mengimani qada dan qadar, rendah hati, dan kejujuran akademia. Begitu dimanfaatkan juga adalah rujukan agung dalam ajaran Islam iaitu al-Quran, pemaknaan Asmaul Husna dan buku, kitab dan prinsip Takmilah. Kreativiti Kamariah Kamarudin dilaksanakan dengan perkakasan sastera termasuk watak, latar akademia, dan plot “esei ilmiah.” Kesendengan didaktisisme Islami diabsahkannya menerusi “khatimah” atau “epilog” yang menggurui khalayak sebagai ibrah dan mau’izzah, pengajaran dan peringatan.*

*Kata kunci: Cerpen Melayu; didaktisisme; gaya penulisan; Islam; Kamariah Kamarudin*

#### ABSTRACT

*There was “author-teacher” in Malay short stories development in the 1920s whom the group of authors with the aspiration of writing about education. The “teachers in school” were transformed to “teachers in the varsity”. Kamariah Kamarudin is among the current scholars who are writing creatively. Her latest compilation of short stories, Catatan Cinta Anakanda Bonda (ITBM, 2013), presented the education elements influenced by her education and scholarship. Takmilah and didacticism used to analyze her work. Structured didacticism discovered as the “scholarly style” in those short stories. Didacticism was in a form of grateful, belief in qada and qadr, humble and akademia sincerity. She has also referred the Islamic resources as al-Qur’an, asmaul husna, religious books and the principles of Takmilah. Kamariah Kamarudin creatively utilized literary devices such as characters, akademia setting and “academic essay plot.” The Islamic didacticism approved by the “epilogue” which educates the readers as ibrah and mau’izzah, a reminder.*

*Keywords: Malay short stories; didacticism; style of writing; Islam; Kamariah Kamarudin*

#### PENDAHULUAN

Kamariah Kamarudin dilihat melanjutkan kelompok awal “pengarang guru” dalam kesusasteraan Melayu. Nama-nama guru yang menulis dari lingkungan sekolah seperti Za’ba (Aminudin Mansor 2012), Harun Muhammad Amin (Harun Aminurashid), Kasmani Haji Arif, Melati Sarawak, Abdullah Sidek, Ahmad Bakhtiar, Ahmad Murad

Nasaruddin, Ahmad Kotot, Muhammad Yassin Makmur dan Muhammad Rakwi Yusof. Senarai ini disambung dengan keluaran pasca pendudukan Jepun seperti Mahmud Ahmad, Masuri S.N., Suratman Markasan, Mas, Nilawati Kedah, Zulastry dan Hasbima (Othman Puteh & Ramli Isin 2003).

Othman Puteh dan Rahman Shaari (1993) dalam *Begini Rupanya* menghimpunkan nama-nama lain lagi dalam kalangan “penulis-guru” ini misalnya

Awang Had Salleh, Ali Majod, Nazel Hashim Mohamad, Othman Rasul, Kemala dan Shapiai Mohd Ramly. Kemudiannya ia dilanjutkan dengan nama-nama yang mula mengasuh anak bangsa di menara gading seperti Muhammad Haji Salleh, A. Wahab Ali, Siti Zainon Ismail, Othman Puteh, Mana Sikana, Rahman Shaari, Abdullah Tahir dan Fatimah Busu. Senarai panjang ini disambung dengan beberapa lain dari kelompok terkini misalnya Amida Abdulhamid (Anis), Talib Samat, Nor Faridah Abdul Manaf, A. Halim Ali, Samsina A. Rahman, Shamsudin Othman dan Kamariah Kamarudin. Ternyata mereka tekal dengan memerihalkan pendidikan sebagai antara baris karya; sama ada secara langsung atau tidak dalam tulisan mutakhir yang dihasilkan.

Pada kesempatan makalah ini, hubungan erat antara karya yang dihasilkan dengan tekad pendidikan oleh pengarang yang merupakan “guru” itu, dibincangkan. Dihuraikan nanti bagaimana Kamariah Kamarudin menggembelng strategi naratif tertentu menerusi cerpen yang digarap bagi mengangkat tekad pendidikan berkenaan. Menerusi kumpulan cerpen terkininya, *Catatan Cinta Anakanda Bonda* (ITBM 2013) adalah sebagai contoh cerpen Melayu mutakhir yang masih mempertimbangkan sisi didaktisisme sebagai muatan karya. Analisis yang dilakukan bagi mengenal pasti apakah ragam khas didaktisisme yang dibentangkan Kamariah Kamarudin dan bagaimana ia dipersembahkan secara kreatif lewat kumpulan cerpennya.

### OBJEKTIF KAJIAN

Apabila pendidik (guru mahupun pensyarah) yang turut menghasilkan karya kreatif, satu sisi yang rata-rata mahu diperhatikan adalah masukan aspek pengajaran dalam garapan hasil tulisannya. Maka makalah ini dengan memanfaatkan kepengarangan Kamariah Kamarudin menyasarkan dua objektif berikut:

1. Menganalisis jurus didaktisisme yang diajukan pengarang.
2. Mengenal pasti apakah perkakasan sastrera (*literary devices*) yang dimanfaatkan pengarang dalam upaya memperagakan jurus didaktisisme berkenaan.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memanfaatkan kaedah kualitatif dengan menjurus kepada teks yang ditumpukan dalam tulisan ini iaitu kumpulan cerpen *Catatan Cinta Anakanda Bonda*. Kesemua sepuluh cerpen yang terkandung dalam kumpulan berkenaan diulang baca menerusi kaedah analisis kandungan bagi memperoleh maksud yang diutus pengarangnya. Bahan daripada pembacaan tuntas itu, dihurai pemerihalan unsur pendidikan dengan memanfaatkan prinsip Takmilah yang dijana Shafie Abu Bakar, khasnya yang melibatkan aspek keilmuan yang ditumpukan dalam kajian ini.

Acuan Takmilah rata-rata bersifat menyeluruh apabila ia melibatkan hubungan manusia sebagai pengkarya atau khalayak dengan ketuhanan, kerasulan, keislaman dan keilmuan. Tujuh prinsip yang digariskan menerusi teori Takmilah ialah:

1. Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal.
2. Prinsip Kerasulan sebagai insan Kamil.
3. Prinsip Keislaman yang bersifat Akmal.
4. Prinsip ilmu dengan sastrera yang bersifat Takamul.
5. Prinsip sastrera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah.
6. Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri.
7. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Apa yang cuba diajukan Takmilah menerusi ketujuh-tujuh prinsip ini adalah membawa diri karyawan-karya-khalayak kepada sifat jati diri keislaman bahawa bidang-bidang kehidupan tidak dapat dipisahkan keterikatannya daripada Allah yang mempunyai sifat-sifat kesempurnaan hakiki (Mawar 2015). Sementara karyawan-karya-khalayak itu berkewajipan dan berikhtiar mencapai tahap kesempurnaan Islamnya dalam apa yang ditukangi dengan mempertalikan semua dimensi pengkaryaan kepada Allah SWT. Kesemua tujuh prinsip ini saling melengkapi untuk menuju kesempurnaan (Takmilah). Dalam tumpuan kajian ini, “ilmu dengan sastrera yang bersifat Takamul” dimanfaatkan bagi menilai hubung kait cerpen Kamariah Kamarudin dengan “didaktisisme.”

### DATA KAJIAN

Kumpulan cerpen *Catatan Cinta Anakanda Bonda* yang ditumpukan dalam makalah ini, diterbitkan

Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) pada 2013. Ia memperagakan sepuluh cerpen yang terdiri daripada:

1. Pabila Bulan Mengambang, Pabila Angin Menerbang
2. Bisu, Kaku dan Kelu
3. Catatan Cinta Anakanda Bonda
4. Daripada Nutfah kepada Tanah
5. Dua Nama: ISA, ISO
6. Kirah Kiryah di Kecibak Senja
7. Orang Berilmu vs Orang Biadab
8. Rahmah wa Mawaddah
9. Tentang Hijab
10. Tentang KPI

Kesemuanya pernah disiarkan sebelum ini dalam pelbagai wadah kecuali cerpen “Dua Nama: ISA, ISO”. Tulisan ini turut mempertimbangkan latar pendidikan dan kerjaya Kamariah Kamarudin dalam lapangan kesarjanaan. Ia antara lain dilihat mempunyai hubungan yang erat dengan hasil penulisan kreatifnya lewat *Catatan Cinta Anakanda Bonda*.

Prof. Madya Dr. Kamariah Kamarudin, pensyarah kanan kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, memperoleh Ijazah Doktor Falsafahnya (2006) dan Ijazah Sarjana Mudanya (1998) dari Universiti Malaya, sementara Ijazah Sarjana Sasteranya (2001) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Disertasi kedoktorannya diterbitkan dengan judul *Takmilah dalam Novel Melayu* (DBP 2011). Buku *Takmilah, Semiotik dan Intertekstualiti* (Penerbit UPM 2017) diusahakan bersama-sama sahabat akademik beliau iaitu Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Mawar Safei. Beliau turut menghasilkan sebuah buku motivasi *Berapa Harga Segulung Ijazah-Inspirasi Buat Bakal Mahasiswa dan Mahasiswa* (Galeri Ilmu 2009).

Dalam sejarah penulisan kreatifnya, Kamariah Kamarudin merupakan alumni Minggu Penulis Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka 1989. Beliau terlibat dalam menulis novel dan cerpen. Antara novel-novelnya ialah *Takdir Bukan Hukuman* (DBP 1992), *Tiada Noktah Kasih* (DBP 1996), *Tanda Sebuah Kurnia* (Creative Enterprise Sdn. Bhd, 1998), *Sebuah Syakirah* (Creative Enterprise Sdn. Bhd (2001) dan *Kau Yang Kusayang* (Creative Enterprise 2005). Kumpulan cerpen pertamanya ialah *Mencari Kamil* (Citra Kurnia 2008) diikuti *Catatan Cinta Anakanda Bonda* (ITBM 2013). Novelnya *Sebuah Syakirah* menjalani ulang terbit di

bawah Penerbit UPM (2018). Beberapa pengiktirafan sastera yang diperoleh antaranya Hadiah Sastera Darul Iman (2013, 2014 dan 2015) dalam kategori esei dan cerpen.

Sebagai tenaga akademik, rutinitas beliau termasuk penglibatan dalam penulisan dan penerbitan pelbagai makalah ilmiah sama ada yang diterbitkan dalam jurnal atau buku. Beliau turut secara aktif membentangkan makalah ilmiahnya dalam persidangan dalam dan luar negara yang merupakan antara hasil penyelidikan yang dijalankan dari geran universiti mahupun Kementerian Pelajaran Malaysia. Keseluruhannya, sebagai seorang sarjana, Kamariah Kamarudin aktif dalam setiap lajur pendidikan yang dijalaninya. Terperaga iltizam beliau dalam bidang pendidikan yang diceburinya dan ini yang turut dilihat kesannya ke atas karya kreatif seperti cerpen yang dihasilkan (Kamariah 2013, 2014, 2016).

## DIDAKTISISME

Amida Abdulhamid yang menulis kata pengantar kumpulan cerpen *Catatan Cinta Anakanda Bonda* ini antara lain merakam tanggapan bahawa:

Membaca cerpen-cerpen dalam kumpulan ini bagaikan sebuah pengembaraan mengutip **buah-buahan intelek** (sic) di taman pengalaman yang berputar di sekitar hukum dan praktis kehidupan **Islam nan unggul** (sic). Buah-buahan intelek ini menguja penaakulan berlandaskan penghayatan Islami yang ideal tetapi tertujuh sedalam tujuh petala bumi modenisasi (hlm. ix).

Antara lain *Catatan Cinta Anakanda Bonda* ini membentangkan dua kata kunci yang digaristebalkan iaitu menyua intelektual dan Islam. Menghubungkan kedua-duanya dengan Takmilah yang menjadi landasan penelitian ini, jelas ia merupakan petunjuk kepada hasrat kepengarangan Kamariah Kamarudin yang bergabung serasi dengan tekadnya terhadap pendidikan. Tanggapan Amida Abdulhamid antara lain memberi isyarat terhadap kecenderungan cerpen Kamariah Kamarudin melorongkan daya fikir, memahami, dan menganalisis. Secara khas akal budi yang ditawarkan ini bergandingan dengan Islam dan ini antara lain bertepatan dengan apa yang dimaksudkan dengan “didaktisisme”.

Didaktisisme merujuk unsur pengajaran dalam sesebuah karya sastera yang memberikan pendidikan khasnya daripada segi moral, etika, atau soal-soal keagamaan. Makna dasar yang diajukkan *Kamus Dewan* itu diperdalami misalnya

oleh Shafie Abu Bakar yang erat menghubungkan konsep Takmilahnya di antara ilmu dengan sastera. Kedua-duanya melibatkan akal dan hati (1997: 135; Abdul Halim Ali 2014). Akal dipercayai berperanan sebagai wadah yang mustahak dalam mencapai keilmuan. Sementara hati adalah saluran menuju keilmuan yang bersifat rohani (makrifat). Kamariah Kamarudin sendiri mengupas kenyataan “ilmu” ini dalam lingkungan Takmilah, menjelaskan keperluan ilmu agama ditumpukan dalam sesebuah karya. Kesalingan antara ilmu dengan sastera ini didakwanya bersifat “Takumul” (2011: 85-86). Secara praktis mauduk ini yang diperhalusi dalam penelitian ini, sejauh mana Kamariah Kamarudin sebagai sarjana yang meyakiniya turut melaksanakan dalam penukangan karya kreatif seperti cerpen.

Tiga bab yang diutarakan Syeikh Ibn ‘Athailah as-Sakandari (2017) tentang ilmu yang terkait dengan didaktisisme ini dalam kitab masyhurnya *al-Hikam*, iaitu:

#### 1. Ilmu yang bermanfaat

“Ilmu yang bermanfaat adalah ilmu yang sinarnya melapangkan dada dan cahayanya menyingkap hati.” Antara tafsirannya adalah mengungkap peranan ilmu yang bermanfaat bukan hanya untuk tujuan dunia sebaliknya untuk kehidupan akhirat. Ia juga bukan hanya untuk diri sendiri sebaliknya untuk orang banyak. Gunanya ilmu jenis ini adalah untuk menghindari segala bentuk kebejatan hidup. Ia ternyata lebih berharga dengan mengamalkan dan mengajarkannya kepada orang lain agar kebaikan itu lebih tersebar (hlm. 432).

#### 2. Sebaik-baik ilmu

“Sebaik-baik ilmu adalah ilmu yang disertai rasa takut kepada Allah SWT.” Harus ada perasaan takut dalam hati manusia apabila ilmu yang diperolehnya itu menjadikan dia lebih jauh daripada hidayah Allah malah menenggelamkannya dalam kemurkaan-Nya. Mengapa ilmu itu berubah menjadi suatu yang sia-sia, iaitu apabila ia digunakan untuk mendapatkan kedudukan dan bukan keredaan. Maka hendaklah dipastikan ilmu itu tidak bersalahan dengan syariat agama (hlm. 433).

#### 3. Ilmu: Antara manfaat dan bencana

“Jikalau ilmu disertai dengan rasa takut kepada Allah SWT maka ia akan menjadi kebaikan bagi anda. Sedangkan ilmu yang tidak disertai rasa takut kepada-Nya maka ia justeru akan menjadi bencana bagi anda.” Bab ini masih melanjutkan perbincangan terhadap mauduk “ilmu yang bermanfaat” dan “rasa takut” yang disertakan. Ilmu yang bererti adalah apabila sewaktu di dunia amalannya dapat

membawa manusia keluar daripada kejahilan menuju kebenaran. Ia akhirnya nanti memberi kesejahteraan hidup yang abadi (hlm. 434).

## ANALISIS

Berdasarkan batasan wilayah kajian ini, “didaktisisme” merujuk akan kesan pendidikan yang diajukan dalam kumpulan cerpen *Catatan Cinta Anakanda Bonda* yang terkait dengan ajaran atau nilai Islam. Sepuluh cerpen yang tersenarai diperhalusi berdasarkan dua kata kunci berkenaan iaitu pendidikan dan Islam atau “didaktisisme Islami.”

### DIDAKTISISME DAN AL-QURAN

Dalam cerpen awalnya, “Pabila Bulan Mengambang, Pabila Angin Menerbang”, Kamariah Kamarudin mempertentangkan dua watak iaitu “Bulan” dan “Angin” yang juga dinamakan “Qamar” dan “Dzariyah” masing-masing secara metaforikal. Cerpen ini mengungkap cinta platonik yang berlaku dalam dunia akademik; kasih sayang teman seperjuangan tanpa ancaman berahi atau kepentingan peribadi namun ada tautan “kedua-duanya saling memerlukan” (hlm. 1). Pengarang membentangkan pertembungan perasaan antara kedua-dua watak yang mahu mencipta kejayaan mendapatkan ijazah doktor falsafah, namun ada kalanya terbancuh keraguan atau prasangka yang bergantung (hlm. 5). Cinta dilihat sebagai suatu yang alami berlaku dalam setiap hati manusia tanpa mengira siapa, termasuk dua sahabat ini. Ternyata “cinta” boleh sahaja merentas, menyeberang dunia intelektual seseorang. Namun pendirian yang menjadi paksi, anutan pemikiran, memungkinkan sahaja meletakkan “cinta” di tepi, dan masing-masing meneruskan perjalanan yang diputuskan. Akhirnya mereka memilih jalan sendiri, mengikut tuntutan hidup dan naluri.

Kedua-dua nama watak utama dalam cerpen “Pabila Bulan Mengambang, Pabila Angin Menerbang”, Qamar dan Dzariyah, jelas dapat dihubungkan dengan al-Quran menerusi dua surah iaitu, al-Qamar dan adz-Dzaariyaat. Secara sedar, pengarang menurunkan ayat merujuk surah al-Qamar: 34-35 dalam prolog:

Sesungguhnya kami telah menghembuskan kepada mereka angin yang membawa batu-batu (yang menimpa mereka), kecuali keluarga Luth. Mereka Kami selamatkan di waktu sebelum fajar menyingsing, sebagai nikmat

daripada Kami. Demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

Kemudian pengarang merujuk surah adz-Dzaariyaat: 49-50 dalam epilog:

Dan segalanya sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasang supaya kamu mengingat akan kebesaran Allah. Maka segeralah kembali kepada (mentaati) Allah. Sesungguhnya aku seorang pemberi peringatan yang nyata daripada Allah untukmu.

Rujukan dua surah ini, al-Qamar dan adz-Dzaariyaat sudah memberikan isyarat awal akan kesendengan hasrat pengarang menjadikan al-Quran sebagai sandaran proses kreatifnya. Menjadikan al-Quran sebagai sumber ilham memenuhi apa yang dikatakan sendiri dalam al-Quran (Yunus: 57) bahawa selain menjadi nasihat (*mau'izzah*), ubat (*syifa'*), rahmat kepada orang yang beriman, ia adalah petunjuk (*huda*) kepada manusia. Peranan al-Quran sebagai petunjuk ini dibentangkan apabila soal cinta dan jodoh yang dianggap misteri hakikatnya adalah dalam susunan takdir Ilahi. Cerpen ini dapat digandingkan dengan sebuah cerpen lain, "Rahmah wa Mawaddah" yang turut membahaskan tentang kasih sayang dalam persahabatan.

Mengapa pengarang memilih secara khas "Qamar dan Dzariyah", merupakan suatu yang menarik terkait dengan apa yang dibawakan dalam terjemahan ayat berkenaan. Pertamanya, latar kisah dakwah Nabi Luth terhadap kaumnya yang dinyatakan dalam al-Qamar: 34-35. Bagaimana "angin" dilihat sebagai jalan menuju taat untuk keluarga Luth yang terselamat (kecuali isterinya) daripada seksaan Allah yang didatangkan malaikat Jibrail terhadap kaum Luth yang mengamalkan homoseksual (Hamka 2015: 586-587). "Angin" dilihat sebagai kurnia apabila Luth dan pengikutnya yang taat dan beriman cepat meninggalkan negeri sebelum waktu Subuh menjelang. Kreativiti halus Kamariah Kamarudin meletak silang "angin" (kisah Luth) dalam "bulan" (al-Qamar), suatu yang mengheret tanggapan khalayak kemudiannya terhadap surah adz-Dzaariyaat (angin yang menerbangkan). Maha Suci Allah juga meletakkan kedudukan dua surah iaitu at-Thur (bukit) dan an-Najm (bintang) di antara adz-Dzaariyaat dengan al-Qamar.

Lalu diperhatikan falsafah "ketaatan" kaum Luth itu pula dapat dihubungkan dengan adz-Dzaariyaat: 49-50 untuk menyerap mauduk bahawa manusia didatangkan dengan banyak perbezaan untuk saling kenal mengenal malah dipasangkan;

yang akhirnya menuju mengakui kebesaran Allah. Perbincangan ini dapat dipertalikan dengan apa yang diyakini Kamariah Kamarudin menerusi penelitian Takmilahnya tentang insan kamil. Bahawa menuju pembentukan insan kamil menuntut pengabdian yang tulus ke hadrat Allah subhanahu wa taala. "Insan kamil" dalam perbincangan Takmilah menjurus kepada upaya mengangkat keimanan dan ketakwaan manusia yang memegang amanah sebagai "insan khalifah" dan "insan rabbani" ke arah berdirinya sebagai "insan kamil" (Kamariah 2011: 261).

Sebagai wanita yang menulis, rata-rata wanita juga yang mahu diperagakan Kamariah Kamarudin sebagai tokoh utamanya. Semakin dalam seseorang pengarang berupaya menyelami dasar kalbunya sendiri, kian dalam juga tercermin pada baris kata yang diperagakan (Millin 2009: 101, Ungku 2013(a), 2013(b)) dan ini yang diyakini Kamariah Kamarudin apabila menyatakan bahasa kalbu wanita. Sebagai wanita yang berkecimpung dalam dunia pendidikan, Kamariah Kamarudin turut membentangkan konflik wanita yang menghuninya, antaranya tentang "hijab." Banyaknya dilihat pengarang, wanita yang pintar dalam pelajarannya, namun sangat keras hati, bebal, dungu dengan soal kewajiban menutup aurat (Mawar Safei dan Nisah Haron 2011: 77). Cerpen "Tentang Hijab" membahaskan secara tekun pertelingkahan yang berlaku dalam keputusan seseorang wanita untuk berhijab. Ia menyentuh pertelingkahan jiwa lima wanita yang berpelajaran tinggi iaitu Solehah, Fazurah, Husna, Wardina dan Ucu Latifah yang sering bersoal jawab tentang kewajiban berhijab. Dalam pengakuannya, Kamariah Kamarudin sendiri pernah menyaksikan bagaimana seorang pensyarah di kampus tempatnya bertugas, menanggalkan tudung setelah mengenakannya bertahun-tahun (Mawar Safei dan Nisah Haron 2011: 75).

Pengarang mengajukan kewajiban berhijab dalam kalangan Muslimah menerusi dua surah berikut, iaitu an-Nur: 30-31 dan al-Ahzab: 59,

1. Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat (an-Nur:30).
2. Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan

hendaklah mereka menutup kain kudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya, kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung (an-Nur:31).

Syarahan pengarang (hlm. 150-151) akan perlunya wanita menekuni beberapa surah dalam al-Quran yang khas memerihalkan mereka seperti:

1. al-Fatihah - pemeliharaan Allah pada makhluknya
2. al-Baqarah - pendapat ulama mengenai khitan untuk wanita, qisas untuk perempuan, wasiat kepada para isteri dan lain-lain
3. ali-Imran - wanita itu adalah hiasan
4. an-Nisa' - anak perempuan daripada sulbi, keadaan isteri dan lain-lain
5. an-Nur - hukum wanita pelaku zina, menikahkan wanita yang belum bersuami dan lain-lain
6. al-Ahzab - adab sopan santun keluaranya wanita dari rumah dan lain-lain
7. al-Hujurat - hubungan *ghibah* dan wanita dan lain-lain
8. al-Mujadalah - tanda *zhihar* daripada wanita dan lain-lain
9. al-Mumtahanah - tidak ada pernikahan antara seorang wanita mukminat dengan seorang kafir
10. al-Talaq - talak wanita pada waktu idahnya dan lain-lain

Rata-rata didaktisisme Kamariah Kamarudin dianjurkan dengan menitip kritikan akan tokoh-tokoh dalam dunia pendidikan seperti yang berlaku pada Solehah, Fazurah, Husna, Wardina dan Ucu Latifah. Begitu juga dengan watak cerpen "Bisu, Kaku dan Kelu." Mahasiswa semester lima yang hanya mahukan keseronokan dalam pembelajaran di universiti, dibawakan dalam kisah pertama. Mata pelajaran kesusasteraan dilihat sebagai suatu

yang mendera dan tidak menyeronokkan. Dalam kisah kedua, sindiran pengarang terhadap kerjaya pendidik yang menafikan ilmu sebagai paksi dalam pengajaran. Keputusan menjadi guru merupakan pilihan terakhir. Kisah ketiga masih menampilkan pendidik, kali ini di universiti yang berhadapan dengan karenah mahasiswa seperti yang berlaku dalam kisah pertama. Cerpen ini ditutup dengan "Khatimah untuk Bisu, Kaku dan Kelu"; yang merumuskan betapa "bisu, kaku dan kelunya" ketiga-tiga tokoh dalam kisah yang ditampilkan. Sindrom ini dibidas Kamariah Kamarudin dengan nada yang sangat menggurui. Penegasannya menerusi diksi "bacalah" [Surah al-Qadr ayat 1-5...], "semaklah" [kitab-kitab tersohor...], "rujuklah" [hadis-hadis Nabawi...], "belajarlah" [daripada sejarah silam...], (hlm. 26-27), sangat menggurui khalayak bagi melunturkan, menggugurkan dan menghilangkan (hlm. 27) bisu, kaku dan kelu manusia itu.

Satu catatan menarik Wan Mohd Nor Wan Daud (2012: 204) berdasarkan *Risalah untuk Kaum Muslimin* Syed Muhammad Naquib al-Attas, berhubung kait dengan ilmu dan penyertaannya:


Ilmu pengetahuan harus dikuasai dengan pendekatan yang berlandaskan sikap ikhlas, hormat dan sederhana terhadapnya. Pengetahuan tidak dapat dikuasai dengan tergesa-gesa seakan-akan pengetahuan adalah sesuatu yang terbuka kepada sesiapa sahaja untuk menguasainya tanpa terlebih dahulu menilik pada arah dan tujuan, kemampuan dan persediaan.

Ia bersangkutan dengan sikap tokoh-tokoh dalam dunia pendidikan Islam; pencarian dan pengakuan autoriti yang benar. Paksi yang berkuasa ketika itu adalah sikap rendah hati, ikhlas, hormat dalam menerima sikap intelektual di samping ada perasaan kasih sayang terhadap autoriti itu. Peribadi ini tidak terpecar pada tokoh-tokoh "Bisu, Kaku dan Kelu" sepertimana yang disarankan Syekh Ibn 'Athailah as-Sakandari (2017) tentang kesan ilmu yang terkait dengan didaktisisme ini dalam kitab masyhurnya *al-Hikam*. Ia antara lain memperagakan kesan ilmu yang bermanfaat itu terhadap diri pengamal dan masyarakat umum.

Isu yang sama turut ditemui dalam cerpen "Tentang KPI." Maksud KPI (*Key Performance Index*, Petunjuk Prestasi Utama) yang diketahui umum itu, dikecam pengarang dengan nada sugestif kepada "Kehidupan Penghayatan Islam" (KPI). Betapa tokoh ilmuwan harus bekerja dengan menjurus ke jalan yang diredai, jalan kebenaran. Untuk sekian masa, lamanya mereka tunduk

kepada ukuran yang ditandai manusia sendiri. Dalam ucapan Amanat Tahun Baru 2019 Menteri Pendidikan (Maszlee Malik 2019) misalnya, ada ditegaskan antaranya dalam bab “Mengembalikan Wibawa Pengajian Tinggi” (Rajah 1) bahawa untuk mencapai tahap ketinggian kualiti yang memuaskan, beberapa perubahan akan dijalankan, antaranya adalah menerusi prinsip moral atau nilai akhlak atau etika:

Etika merupakan aspek yang sangat besar dan perlu ditekankan. Etika bekerja yang tidak baik, budaya plagiarisme, pembulian akademik mesti dihentikan. Integriti tidak akan dikompromi, termasuk pembasmian plagiarisme, bonceng gratis dan kegilaan menerbitkan artikel yang tidak berkualiti semata-mata ingin mengejar markah penerbitan. Penerbitan yang dihasilkan mestilah mencerminkan penguasaan para intelek terhadap bidangnya sekali gus menjadi rujukan sejagat di dalam bidang tersebut. (hlm. 25)



RAJAH 1. Mengembalikan wibawa pengajian tinggi

(Sumber: Maszlee Malik 2019)

KPI juga diberikan perhatian dalam cerpen “Dua Nama: ISA, ISO” melalui watak Prof Madya Dr. Johan, ketua jabatan yang mempunyai perspektif yang berbeza tentang penilaian universiti terhadap para pensyarah khususnya dalam perihal kenaikan pangkat. Kamariah Kamarudin memanfaatkan sudut pandang ketua pentadbir seperti Dr. Johan untuk memberikan kesaksamaan terhadap kayu ukur penilaian bagi menghargai hasil usaha para pensyarah. Ia bukan sahaja mempertimbangkan tuntutan fizik tetapi nilai kemanusiaan juga. Jelas kesusasteraan bukan hanya menawarkan moral, khalayak turut masuk ke ruang pertimbangan antara baik-buruk dalam kehidupan (Casement 1987).

Lagi watak akademia ditampilkan menerusi cerpen “Daripada Nutfah kepada Tanah”. Ia membentangkan sengketa yang berlaku dalam keluarga watak utamanya, Khadijah, pensyarah bahasa. Puncaknya ialah pemilikan tanah warisan Khadijah daripada ibunya, Sabariah yang sebelumnya menerima daripada Allahyarham ibunya, Halimah.

Dua keluarga daripada dua saudara, Sabariah dan Rahmat dipertentangkan pengarang menerusi beberapa fragmen kisah “nutfah” dan “tanah.” Ada sisi “tradisi” yang bertembung dalam penggubahan Kamariah Kamarudin yang sering juga menjadi tumpuan para pengarang sebelumnya (Mawar 2011).

Satu perbezaan yang kelihatan menggarisi kedua-dua mereka adalah paksi ilmu yang sangat ditekankan di pihak keluarga Sabariah. Dia dan suaminya yang merupakan guru menggaristebalkan ilmu dalam kalangan anak-anak yang mendapat pendidikan hingga ke universiti. Banyak pertimbangan yang rasional dalam pemikiran Sabariah berbanding isteri Rahmat, Rohani yang tidak bijak dalam banyak segi ilmu dan hukum. Diperlihatkan bagaimana ilmu memberikan laras saksama dalam sebuah perselisihan keluarga. Manfaatnya ilmu seperti kata Syeikh Ibn ‘Athailah as-Sakandari (2017) jika ia digandingkan dengan rasa takut kepada Allah. Ilmu yang dijunjung Sabariah diyakini sebagai pembawa jalan keluar daripada kejahilan menuju kebenaran; malah membentangkan lapangan kesejahteraan hidup yang abadi. Ia tidak sepertimana yang dilihat dari sudut pandang Rohani dan Rahmat.

Sekali lagi Kamariah Kamarudin seperti dalam cerpen lain, menurunkan gaya merujuk dengan sandaran al-Quran berkaitan dengan isu yang diutarakan kali ini iaitu sengketa keluarga akibat tanah pusaka (hlm. 45); surah al-Hadid: 10:

...dan mengapa kamu tidak menafkahkan (sebahagian hartamu) pada jalan Allah, padahal Allahlah yang mempusakai (mempunyai) langit dan bumi? Tidak sama di antara kamu orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sebelum penaklukan (Mekah). Mereka lebih tinggi darjatnya daripada orang-orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka (balasan) yang lebih baik. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Prolog cerpen “Orang Berilmu vs Orang Biadab” sangat berbunyi pengenalan kepada dua kisah besar yang mahu diajukan pengarang persis dalam judul, kisah orang berilmu dan kisah orang biadab. Dua kata “berilmu” dan “biadab” yang berlingkaran dalam dunia akademik, menjadi lapangan perbahasan Kamariah Kamarudin. Soal keangkuhan diangkat pengarang apabila wataknya menjadi “orang berilmu”; kedua-dua lelaki dalam cerpen ini adalah mereka yang berkelulusan tinggi. Seorang adalah pensyarah lulusan PhD luar negara dan manakala seorang lagi guru disiplin. Kamariah

Kamarudin merumuskan dalam “khatimah” kedua-dua mereka berpenyakit hati. “Orang berilmu” yang kehilangan adab terhadap ilmu yang diterima.

Ayat al-Quran, surah Luqman yang dipilih awal pembukaan cerpen ini antara lain menyampaikan teguran tentang “orang yang mempergunakan percakapan kosong untuk menyesatkan”; sedangkan menerusi al-Quran akhlak itu dapat dibangunkan (Hassan 1981: 100-101). Ia terhubung secara langsung dengan pemerihalalan prinsip insan kamil dalam kerangka Takmilah yang didukung Kamariah Kamarudin secara ilmiah. “Insan khalifah” merupakan tahap insan ketiga dalam kerangka kewujudan bagi mencapai insan kamil, selepas “insan rabbani.” Insan khalifah merupakan manusia yang bertanggungjawab menguruskan amanah dirinya sebagai manusia (Saifullizan 2013). Maka apa yang disanggah pengarang dalam cerpen ini adalah tuntutan akan “orang berilmu” seharusnya mereka punya cinta dan menjauhi penyakit kalbu iaitu hasad-dengki atau iri-benci. Sekali lagi tekad pendidikan pengarang ini seperti yang diajukan Menteri Pendidikan dalam Amanat Tahun Baru 2019, dalam bab “Hala Tuju Pertama: Mengembalikan Cinta ke dalam Pendidikan” menampilkan (hlm. 8):

1. Cinta ialah teras kepada pendidikan. Kita mahukan pendidikan yang ter buat anak-anak kita kerana kita cintakan mereka. Dengan cintalah, kita mahu mereka mencintai ilmu, terus membesar sebagai seorang yang sentiasa mahu belajar, dan memahami bahawa pendidikan bukanlah tentang penghujungnya semata-mata, tetapi proses berterusan mengejanya.
2. Penetapan hala tuju pendidikan berteraskan nilai (*values-driven education*) adalah sangat tepat dalam usaha menjadikan cinta sebagai teras pendidikan. Di antara banyak nilai, kita mahu memberikan tumpuan kepada tiga nilai dan budaya teras yang ingin kita binakan bersama, iaitu: cinta atau kasih sayang (*love*), kegembiraan atau kebahagiaan (*happiness*) dan saling menghormati (*mutual respect*).

#### PENGGEMBLENGAN ASMAUL HUSNA

Ketara sekali sisipan *Asmaul Husna* oleh Kamariah Kamarudin dalam kumpulan *Catatan Cinta Anakanda Bonda*. Ternyata ia bukan hanya sebagai satu zikir atau letusan bacaan akibat daripada sesuatu kejadian, ia juga didalami pengarang dengan pemaknaan yang dalam. Misalnya dalam cerpen “Kirah Kiryah di Kecibak Senja” dalam

“mukadimah”, pengarang memulakan dengan isu “nama.” Tiga nama yang dibentangkan dalam dua fragmen setiap satu ialah antara 99 nama Allah iaitu *al-Qayyum*, *al-Qadir* dan *al-Qahhar*. Kritikan pengarang dalam setiap tiga fragmen pertama adalah terhadap al-Quran yang jarang dapat singgah dalam hati manusia; akibat kesibukan, tuntutan bekerja atau belajar atau pengajaran (di sekolah atau universiti) tidak dikaitkan dengan surah mukjizat ini. Kritikan Kamariah Kamarudin terhadap “hilangnya” al-Quran daripada kehidupan manusia. Ini juga sisi penambahbaikan dalam pendidikan dapat selalu dipertimbangkan (Robiah 2000).

Nama tokoh-tokoh itu ternyata merupakan nama-nama Allah, *Asmaul Husna*, diterjemahkan pengarang dalam tiap tiga fragmen yang kedua. *al-Qayyum* Allah subhanahu wa taala bermakna Yang Maha Berdiri Sendiri; terus menerus mengatur langit dan bumi serta seisinya. Ia digandingkan dengan nama Muhamad Qayyum, pelajar yang dihadihkan ibu saudaranya tafsir al-Quran. Remaja ini yang akhirnya mengerti makna nama “Muhamad Qayyum” dan kemudian berjanji untuk menjalankan tugas sebagai khalifah-Nya. Pengarang menurunkan tanggapannya tentang makna nama Allah yang “menerus mengatur langit dan bumi serta seisinya” dengan keupayaan manusia sebagai hamba yang dijadikan. Hakikat bahawa tiada yang lebih berhak mengurus kehidupan (langit dan bumi) melainkan Allah.

Watak kedua, Abdul Qadir, menyedari namanya dari guru al-Qurannya, Pakcik Ahmad dan Makcik Aminah. Nama remaja ini, Abdul Qadir dikaitkan dengan nama Allah *al-Qadir* iaitu Yang Maha Berkuasa. Sebagai pelajar cemerlang dalam akademik di sebuah sekolah berasrama penuh, Abdul Qadir kerap berasa bahawa dirinya hebat, berkuasa dan sempurna. Dia pernah lupa betapa Allah itu Maha Kaya, hebat, berkuasa dan sempurna. Maka melalui kelas al-Quran bersama Pakcik Ahmad dan Makcik Aminah, Abdul Qadir menginsafi kekhilafan dan keterbatasan upaya manusia dalam mendepani hidup. Menarik sekali pembelajaran al-Quran bukan sahaja bersifat bacaan atau mungkin juga hafalan tetapi lebih membentuk adab dan akhlak (Hassan 1981: 100). Malah ilmu al-Quran setepatnya seperti yang dibahaskan Syeikh Ibn ‘Athailah as-Sakandari (2017) adalah ilmu yang bermanfaat untuk melapangkan dada dan cahayanya menyingkap hati, bermanfaat bukan hanya untuk tujuan dunia sebaliknya untuk kehidupan akhirat. Tambahan catatan Syeikh Ibn ‘Athailah as-Sakandari bahawa



ilmu itu lebih berharga dengan mengamalkan dan mengajarkannya kepada orang lain agar kebaikan itu lebih tersebar. Ia berlaku antara Abdul Qadir dengan Pakcik Ahmad dan Makcik Aminah.

Watak ketiga, Ahmad Qahhar, pelajar yang sering mengejar pangkat A dalam pelajaran, mula tahu erti namanya yang diambil dari nama Allah, *al-Qahhar* iaitu “Yang Maha Perkasa.” Hasil asuhan datuknya yang mahu dia selalu merujuk al Quran, akhirnya Ahmad Qahhar memahami keperkasaan Allah mengatasi apa sahaja yang pada malam yang gelap gelita, sunyi dan tiada siapa yang peduli. Waktu itu hanya rasa takut yang ada; sedangkan seperti ulangan Syeikh Ibn ‘Athailah as-Sakandari (2017) lagi, sebaik-baik ilmu adalah ilmu yang disertai rasa takut kepada Allah SWT. Sebagai pelajar yang selalu mahukan kejayaan bagi memenuhi hasrat ibu dan ayahnya juga, Ahmad Qahhar berasa takut sebenarnya apabila ilmu yang diperolehnya itu menjadikan dia lebih jauh daripada hidayah Allah malah menenggelamkannya dalam kemurkaan-Nya. Betapa ilmu yang diikuti menjadi suatu yang sia-sia, apabila ia digunakan untuk mendapatkan kedudukan dan bukan keredaan.

Wan Maseri Wan Mohd (2015) memperincikan tentang *asmaul Husna* sebagai satu jalan penyucian hati. Ini juga yang dilalui ketiga-tiga remaja lelaki ini. Berdasarkan surah al-Baqarah: 30 yang memerihalkan penciptaan manusia menjadi khalifah di muka bumi, maka tuntutan memenuhi peranannya adalah dengan menzahirkan sifat rabbaniyyah yang berasaskan 99 nama Allah. Sifat ini dikurniakan Allah kepada roh manusia. Misalnya bagaimana sebagai khalifah *ar-Rahman* dan *ar-Rahim*, sifat pengasih dan penyayang itu turut hadir dalam dirinya dan mengalir sesama makhluk. Muhammad Qayyum, Abdul Qadir dan Ahmad Qahhar sedang cuba menjadi insan rabbani atau insan cemerlang yang meletakkan jalan hidupnya bersumberkan ajaran Ilahi seperti yang dilakarkan dalam prinsip Takmilah tentang menuju insan kamil.

Kamariah Kamarudin menutup cerpen ini dalam fragmen “khatimah” dengan menggunakan sudut pandangan “kita” dan mengajak (“ayuh” kirah kiryah di kecibak senja...) (hlm. 92) untuk mengingati dan berterima kasih kepada Allah kerana selalu diberikan peluang kedua seperti yang berlaku kepada ketiga-tiga tokoh utama dalam cerpen ini. Penggunaan kata ganti nama orang pertama jamak inklusif, “kita”; rata-rata bernada menggurui. Ia menguasai wilayah naratif teks ini dan dengungunya hinggap pada kehalusan perasaan khalayak.

Cerpen “Dua Nama: ISA, ISO” memancing khalayak dengan judul yang banyak diperdebatkan di universiti iaitu ISA mahupun ISO; namun dengan singkatan yang mengkritik ISA (Internal Security Act, Akta Keselamatan Dalam Negeri) sebagai “Institut Salahan Awam” dan ISO (International Organization for Standardization, Pertubuhan Pemiawaian Antarabangsa) sebagai “Institut Salahan Orang”. ISA menumpu kisah-kisah pensyarah universiti yang diwakili Dr. Aliyah dan Prof. Madya Dr. Johan. Dr. Aliyah setelah menyertai dunia akademia di kampus hijau, baru menyedari apa pertelingkahan yang sebenarnya terjadi dalam diri ilmuwan. Bagaimana tuntutan tugas yang menenggelamkan banyak ketuluan dalam kerja ilmiah mereka. Para akademik yang terkurung dengan masa bekerja, menjalankan penyelidikan, terperangkap dengan kejujuran sikap dan hubungan sesama teman sekerja. Sistem hitungan kenaikan pangkat yang banyak menjadikan manusia berilmu hilang harga diri. Maka Dr. Aliyah menadah tangan memohon (hlm. 69) kepada Allah yang Maha Pemelihara (*al-Muhaimin*), Allah yang Maha Pembuka (*al-Fattah*) dan Allah yang Maha Memberi Kekuatan (*al-Muqit*). Ini bersesuaian dengan apa yang dibentangkan Wan Maseri Wan Mohd tentang model penyucian hati berasaskan zikir penghayatan *asmaul Husna* (2015: 15). Salah satu teknik menyucikan hati adalah dengan menyebut nama-nama Allah secara lisan dan menghayatinya dalam hati.

Sebagaimana Dr. Aliyah, Dr. Johan juga sebagai Ketua Jabatan insaf dengan penilaian kenaikan pangkat yang tidak berlaku adil dan berlawanan dengan sisi kemanusiaan. Betapa sebagai ketua pentadbir, Dr. Johan menyedari kekhilafan peribadinya atau sistem yang lebih banyak menghukum. Menerusi doa dan kesedarannya bahawa Allah Maha Pengampun (*al-Ghaffar*), Allah yang Maha Pemaaf (*al-Afuww*), Allah yang Maha Adil (*al-Adl*), Allah yang Maha Mengawasi (*al-Raqib*), Allah yang Maha Mengembalikan (*al-Mu'id*). Berlegar dalam bulatan pendidikan, Kamariah Kamarudin merumuskan dalam “epilog” bahawa undang-undang Yang Maha Pencipta harus selalu diperhalusi manusia untuk menjalani kehidupan dengan lebih aman dan sejahtera. Tragedi akademia yang dikemukakan ini dapat dipujuk dengan amalan *asmaul Husna*; menggugurkan kotoran dan menyembuhkan penyakit hati yang ada. Kemudiannya hanya hati yang bersih akan diilhamkan rasa takwa. Jalan ketakwaan itu yang

mengeluarkan cahaya menyuluh akal untuk mengingati Allah, beribadah dan memperoleh 99 sifat berasaskan *asmaul Husna*. Maka dua paksi hubungan ini terjalin dengan aman, hubungan dengan Allah dan sesama manusia.

Kebanyakan cerpen dalam kumpulan ini mempamerkan dengan jelas paksi naratif Kamariah Kamarudin, menyasakan latar didaktisisme atau akademiknya dengan pautan Islam. Ia selari dengan pendirian atau berpilihannya pengarang ini terhadap konsep kebaikan (*al-Khayr*), kebenaran (*al-Haqq*) dan keindahan (*al-Jamal*) seperti dalam perspektif Takmilah (Mawar Safei dan Nisah Haron 2011: 87). Tuntutannya adalah memenuhi matlamat membenarkan amar makruf nahi mungkar dalam setiap karya sastera yang ditukangi.

#### KECENDERUNGAN ILMIAH

Ketara sekali Kamariah Kamarudin menggunakan paksi keilmiahannya dalam kumpulan cerpen ini dengan menyenaraikan bahan bacaan yang dapat menjadi dalil terhadap mauduk tertentu. Misalnya disebut dalam cerpen “Tentang Hijab” buku yang berkaitan dengan wanita, hijab dan Islam iaitu *Nasihat Untuk Wanita* (Zainab al-Ghazali, JAKIM, 2004) secara khusus digunakan sebagai latar babak ia dihadiahkan watak Saffiyah kepada Solehah. Begitu pula dengan *Tafsir Wanita dalam al-Quran* (Syeikh Imad Zaki Al-Barudi, Al-Hidayah Publications, 2007) serta buku-buku seperti *Jangan Bersedih* (‘Aidh bin Abdullah al-Qarni), *Welcoming the Most Precious Moment of Our Life* (Dr. Wan Azman), *Kehidupan Hati untuk Sampai kepada Tuhan yang Dikasihi* (Imadu a-Din Muhammad bin al-Husain), *Mencari Damai* (Wan Aznan Hj Wan Abdullah), *An Excellent Wife* (As-Shaik Muhammad Ali al-Hashimi), *The Sayings of the Prophet for Women of Islam* (Mufti Muhammad Aashiq Ilahi), *Bimbingan Pasangan Bahagia* (Haji Pauzi Haji Awang) dan *50 Wasiat Rasulullah Untuk Wanita* (Majdi As-Sayyid Ibrahim, Pustaka Syuhada, 2001), yang ditelaah watak Waheeda sebelum bernikah dengan Ilham Firdaus (hlm. 140-141).

Pengarang secara sedar melakukan rujukan dan masukkan banyak bahan bacaan ilmiah religius dalam cerpen ini. Rata-rata ia membawa langgam kesendengan kepengarangan terhadap tuntutan ilmu dalam berdakwah (Siti Rugayah 2005; Siddiq 2012). Dalam buku *Bagaimana Saya Menulis: Proses Penciptaan Cerpen* (2017), Kamariah Kamarudin melakukan pengakuan dalam fragmen “Buku-buku yang dijadikan Bahan Rujukan” berangkat

daripada hasratnya menyampaikan “dakwah secara hikmah tetapi dalam gaya khutbah yang bernada kontemporari” (hlm. 84). Buku pertama yang menjadi asas penghasilan cerpen ini dan “pendorong kuat” (hlm. 86) adalah *Hijab Memelihara Kesucian Wanita Muslimah* tulisan Muhammad Ismail (Pustaka Azhar, Johor Bahru, 2007) dan *Tafsir Wanita dalam al-Quran* (Syeikh Imad Zaki Al-Barudi, Al-Hidayah Publications, 2007). Ia kemudiannya diikuti dengan senarai panjang bahan bacaan tentang wanita yang dalam simpanannya, iaitu *Wanita Ideal Menurut al-Quran & al-Sunnah* (Muhammad Imran, Syabab Publishing, 1997), *Fatwa-fatwa Muslimah* (Darul Falah, Jakarta Timur, 1995), *Menggugat Sejarah Perempuan Mewujudkan Idealisme Gender Sesuai Tuntutan Islam* (Fatima Umar Nasif, Cendekia Sentra Muslim, 2001), *Kepimpinan Wanita dalam Islam Kedudukannya dalam Syariah* (Andek Masnah Andek Kelawa, UKM, 2001), *Muslimah Pendidikan, Kekeluargaan dan Perjuangan* (Asiah ‘Ali, Muttaqin, 1999), *Islam dan Emansipasi Wanita* (Baterah Alias dan Che Zarrina Sa’ari, UM, 2006), *Sumbangsih Wanita* (UKM, 2000), *Wanita Islam dan Bekerja Sendiri* (Azrina Sobian, MPH dan IKIM, 2006), *Keperibadian Muslimah Sebagaimana digambarkan Oleh Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah* (Muhammad Ali Al-Hashimi, Maktabah al-Qardhawi, 1998), *Women in Development* (Khalijah Mohd Salleh, Institut Kajian Dasar, 1985) dan *Bagaimana Akhirnya Saya Bertudung* (Ir. Endok Sempo Mohd. Tahir, PTS, 2003).

Dasar teori Takmilah ternyata turut digembleng pengarang dengan penuh kesedaran. Takmilah merupakan kerangka dasar kajian Kamariah Kamarudin dalam disertasi PhD yang meneliti novel-novel Melayu dengan merujuk tujuh prinsip kekamilan yang dijana Shafie Abu Bakar. Menurut Kamariah Kamarudin (Mawar Safei dan Nisah Haron 2011: 87):

... yang menunjangi pendirian saya selama saya mengkaji sastera Islam, maka tidak dapat tidak hal-hal yang menganjur kepada hubungan manusia dengan Allah subhanahu wa taala (*habl min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia (*habl min al-Nas*) menjadi pertimbangan saya dalam melakukan kerja-kerja penulisan kreatif lebih-lebih lagi menyempurnakan cerpen “Hijab” ini.

Sementara itu dalam cerpen “Catatan Cinta Anakanda Bonda” menemukan titik luhur kasih sayang antara ibu dan anak perempuan; keduanya merupakan ahli akademik. Watak utama

yang menggerakkan cerpen ini, Dr. Zahra Qalesya Dato' Zaid, merentetkan hubungan akrab dengan ibunya menerusi takwim empat bulan Islam bermula Rejab hingga Syawal 1432. Ia dibangunkan dalam kerangka fragmentasi, menjadikan cerpen ini kelihatan sangat tersusun membangunkan hubungan fizik dan emosi yang akrab ibu-anak. Membaca cerpen ini seperti dimaklumkan pengarang pengisian takwim Islam bermula Rejab dengan Israk Mikraj, Syaaban dengan Nisfu Syaaban, kebesaran Ramadhan dan bagaimana Syawal diraikan minggu pertama di negara orang kerana mentaati arahan suami. Sepanjang bulan-bulan ini adalah rakaman monolog dalaman Zahra kerinduan terhadap ibunya, ingatan-ingatan ibunya tentang adab beribadah, doa-doa yang molek dipohon. Bagaimana pengarang memasukkan kegelisahannya apabila tidak dapat mencontohi ibunya yang walau pernah sibuk bertugas di kampus, namun masih dapat menjalankan tanggungjawab rumah tangga dan ibadah. Pemerihaln Kamariah Kamarudin akan kuasa sastera dalam mengasuh khalayak tentang emosi seperti ini banyak dibahaskan seperti yang pernah disentuh Hogan (2011).


Cerpen "Catatan Cinta Anakanda Bonda" memperagakan sosok ibu yang mithali. Asuhan didikan domestik bahawa ibu merupakan guru yang julung-julung kali dikenali seorang anak. Sekali lagi pengarang menganjurkan fahaman insan rabbani atau insan cemerlang yang meletakkan jalan hidupnya bersumberkan ajaran Ilahi melalui watak bonda yang dirindukan Zahra. Kesendengan didaktisisme pengarang terjelma dengan gaya menurunkan bahan bacaan Zahra selain al-Quran, adalah terhadap beberapa kitab yang ditelaah, misalnya:

1. Buku *Amalan Harian Sepanjang Zaman* oleh Ustaz Ismail Kamus yang menitip doa yang sangat mengesankan Zahra tentang keimanan dan ketakwaan (hlm. 34)
2. Kitab *Minhaj al'Abidin* (Petunjuk Jalan bagi Orang-orang Ahli Ibadah) tulisan Imam al-Ghazali, iaitu keperluan mempunyai sifat *raja'* (berharap kepada Rahmat Allah) (hlm. 35).
3. Buku *Kehidupan Hati* yang membicarakan konsep *muraqabah* (berasa diri diperhatikan Allah) (hlm. 40)

Segala jenis bahan bacaan yang dasarnya merupakan sumber ilham Kamariah Kamarudin dalam berkarya, kemudian dipindahkan ke dalam lingkungan watak-wataknya. Terdapat enam "benih

cerita" yang dikatakan Johnston dalam memulakan langkah awal menulis (2002: 32-39). Benih-benih itu adalah watak, imej, latar, suara, peristiwa dan tema. Keenam-enam ini ternyata boleh dicungkil dari bahan bacaan yang akhirnya mencambahkan banyak tunas dan dahan ilham. Jelas ini yang ditukangi Kamariah Kamarudin menerusi sejumlah bahan bacaan ilmiah yang mendukung gubahan cerpen dalam kumpulan ini. Kesendengan ini antara lain memperlihatkan keakuran Kamariah Kamarudin mendukung prinsip Takmilah bahawa pengkarya harus mengistimikan dirinya bukan hanya untuk tuntutan kepengarangan tetapi menuju jalan yang dirahmati.

Begitu juga kesendengan penulisan cerpen dalam kumpulan ini membawakan beberapa kesan fizik yang dipercayai pengaruh faktor latar pendidikan Kamariah Kamarudin, iaitu rutinitasnya dalam penghasilan esei ilmiah. Gaya rumus atau kaedah penulisan makalah akademik ini kelihatannya sangat dirapikan hampir dalam kesemua cerpen. Ketelitian ini rata-rata mewakili pemikiran, proses menulis dan memperagakan gagasan yang juga teratur. Meneliti binaan rumus begini seperti melihat susunan sebuah kertas akademik (makalah jurnal yang mempunyai kaedah atau gaya penulisan yang tegas). Kesendengan Kamariah Kamarudin dengan gaya akademik yang saban hari digaulinya, ternyata meresap masuk ke dalam ruang kreativiti juga. Didapati cerpen "Pabila Bulan Mengambang, Pabila Angin Menerbang", dibina dengan struktur berikut (Rajah 2):



RAJAH 2. Struktur cerpen "Pabila Bulan Mengambang, Pabila Angin Menerbang"

Rata-rata dalam kebanyakan kaedah penulisan akademik untuk makalah mahupun disertasi, akan dimulakan dengan "pengenalan", "analisis" dan

“kesimpulan.” Keakuran Kamariah Kamarudin terhadap persembahan akademik misalnya dalam memulakan cerpen dengan teknik “mukadimah” bagi memperkenalkan nama-nama tokoh watak akademik iaitu Dr. Khalisah, Ir. Haji Abdul Hassan, Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Ihsan, Prof. Dr. Hajah Nurul Iman dan Prof. Dato’ Dr. Haji Abdul Rahim. Ada nada komunikatif antara pengarang dengan khalayak apabila dimulakan ayat “mukadimah”nya. Pengarang membentangkan isu, pertelingkahan sepanjang “perbincangan” atau “analisis” dengan menumpukan terhadap watak-watak akademia yang terlibat. Kemudian sebagai rumusan, pengarang akan membuat kesimpulan, antara lain sama ada memberi reaksi peribadi atau tanggapannya berkenaan “perbincangan” yang dibentangkan awal.

### KESIMPULAN

Menerusi tulisan ini, didapati Kamariah Kamarudin melanjutkan ragam penulisan “pengarang-guru” dalam sejarah perkembangan genre cerpen Melayu secara khas. Pemerihalhan pendidikan dengan ajaran Islam atau didaktisisme secara tekal malah berstruktur, diperagakan dengan jelas dalam kumpulan cerpen *Catatan Cinta Anakanda Bonda*. Kamariah Kamarudin banyak memperlihatkan segi-segi pertembungan antara bucu “ilmiah” dengan “kreatif.” Wacana tentang ilmu disampaikan menerusi sisipan mauduk persaudaraan, cinta dan persahabatan. Didaktisisme yang diungkap dalam perihal syukur, mengimani qada dan qadar, rendah hati, belas kasihan, empati dan menuju insan kamil dalam setiap lajur hidup. Begitu dimanfaatkan adalah rujukan agung dalam ajaran Islam iaitu al-Quran. Ia bukan hanya ditampal-tampal seperti kebanyakan penulis lain bagi memperkukuh persoalan atau menjadi dalil “Islami”, sebaliknya Kamariah Kamarudin menjunjungnya terkait dengan falsafah perwatakan, pemikiran dan keyakinan watak-wataknya. Al-Quran dirakam dalam kebanyakan cerpennya dengan penuh kesedaran bagi tujuan didaktisisme.

Berhubungan dengan wilayah didaktisisme yang menjadi tujahan penelitian ini, pemerihalhan “ilmu” dan “pendidikan” yang diperagakan juga mengheret khalayak umumnya kepada kritikan Kamariah Kamarudin terhadap watak-watak akademia yang terlibat secara langsung. Antaranya diperihalkan tokoh yang angkuh, berpura-pura, haloba dan khianat. Kemudian bagaimana pula dengan pertelingkahan tersebut, disertakan Kamariah

Kamarudin akan pemaknaan *asmaul Husna* khusus dalam hubungan kemanusiaan. Ia turut didukung bahan-bahan ilmiah dengan rujukan buku, kitab yang dirujuk dan prinsip Takmilah Shafie Abu Bakar yang dianuti. Menarik juga langgam keilmiahan garapan cerpen Kamariah Kamarudin lewat rumus atau kaedah penulisan struktur esei diserap masuk.

Sama ada kreativiti Kamariah Kamarudin lewat *Catatan Cinta Anakanda Bonda* dilihat sebagai pengaruh latar pendidikan dan kerjayanya, jelas jurus didaktisisme yang diajukan memenuhi ruang naratif “langgam keilmiahan.” Ia dilaksanakan dengan perkakasan sastera termasuk watak, latar, dan plot “esei ilmiah” yang dimanfaatkan pengarang dalam upaya memperagakan jurus didaktisisme berkenaan. Kesendengan didaktisisme Islami diabsahkannya menerusi “khatimah” atau “epilog” yang menggurui khalayak apa yang seharusnya dipertimbangkan sewaktu berdiri di banyak simpang pertelingkahan hidup. Pengarang menyediakan kesimpulan, rumusan atau penutup terhadap pertelingkahan yang didepani watak-wataknya, sebagai *ibrah* dan *mau’izzah*, pengajaran dan peringatan.

### PENGHARGAAN

Kajian ini didanai oleh Fundamental Research Grant Scheme dengan kod FRGS/1/2016/SSI02/UKM/02/1. Prof Madya Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, (Universiti Malaya), Prof Madya Dr Kamariah Kamarudin (Universiti Putra Malaysia) dan Dr Maharam Mamat (Universiti Kebangsaan Malaysia) ikut membantu penyelidikan yang berkaitan untuk makalah ini.

### RUJUKAN

- Abdul Halim Ali (peny.). 2014. *Teori Takmilah: Perluasan & Pentafsiran*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Aminudin Mansor. 2012. *Za’ba Perintis penulis guru*. 6 Mac, *Utusan Melayu Online*.
- Casement, William. 1987. Literature and Didacticism: Examining Some Popularly Held Ideas. *The Journal of Aesthetic Education* 21(1): 101-111.
- Hamka. 2015. *Tafsir al-Azhar*. Depok: Gema Insani.
- Hashim Awang & A. Karim Abdullah. 1987. *Cerpen-cerpen Pak Sako*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulung. 1981. Falsafah Ibn Sina: implikasi dalam pendidikan. *Jurnal Akademika* 19: 95-114.

- Hogan, Patrick Colm. 2011. *What Literature Teaches Us about Emotion*. New York: Cambridge University Press.
- Johnston, Sibyl. 2002. *Where the Stories Come From*. New York: Longman.
- Kamariah Kamarudin, Tengku Intan Marlina Mohd Ali & Mawar Safei. 2017. *Takmilah, Semiotik dan Intertekstualiti*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamariah Kamarudin. 2012. *Takmilah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin. 2013. Konsep Qudwah Hasanah wanita Islam dalam pemeraksanaan ummah: suatu analisis terhadap novel Melayu mutakhir. *Jurnal Pangura: Pengkajian dan Penelitian Sastra Asia Tenggara* 18(34): 90-110.
- Kamariah Kamarudin. 2014. *Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kamariah Kamarudin. 2016. *Revolusi yang Ditangguhkan* berdasarkan perspektif Takmilah. *Jurnal Malay Literature* 31(4): 235-245.
- Maszlee Malik. 2019. Amanat Menteri Pendidikan, Pendidikan untuk Semua, Tanggungjawab Semua. 14 Januari, Universiti Putra Malaysia. <https://www.moe.gov.my/index.php/my/arkib/pemberitahuan/2018/4779-amanat2019>
- Mawar Safei & Nisah Haron. 2017. *Bagaimana Saya Menulis: Proses Penciptaan Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Safei, Misran Rokimin & Che Abdullah Che Ya. 2011. Tradisi dalam novel Anwar Ridhwan dan Putu Wijaya. *Jurnal Akademika* 81(1): 83-91.
- Mawar Safei. 2015. Nilai-nilai Profetik dalam Karya Sastra Malaysia: Tinjauan terhadap Takmilah. Kertas Sidang Pleno. Seminar Internasional Bahasa dan Sastra Indonesia Nilai-nilai Profetik dalam Kehidupan Berbangsa melalui Bahasa, Sastra dan Pembelajarannya. 17 November. Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia.
- Millin, Peggy Tabor. 2009. *Women, Writing, and Soul-Making: Creativity and the Sacred Feminine*. Asheville: Story Water Press.
- Othman Puteh & Rahman Shaari (peny.). 1993. *Kumpulan Cerpen & Puisi Begini Rupanya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh & Ramli Isin. 2003. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden: Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robiah Sidin. 2000. Kualiti pengajaran dan pembelajaran universiti tempatan. *Jurnal Akademika* 57(1): 25-40.
- Saifullizan Yahaya. 2013. Konsep Kaffah dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Berdasarkan Gagasan Sastra Profetik. Tesis Sarjana Sastra. Universiti Putra Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. 1997. Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip dlm. Mana Sikana, *Teori Sastra dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, FSKK.
- Siddiq Fadzil. 2012. *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah.
- Siti Rugayah Hj Tibek & Salasiah Hanin Hamjah. 2005. *Dakwah dan Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman al-Kumayi. 2011. 99Q *Kecerdasan berasaskan Asmaulhusna*. Batu Caves: PTS Publication.
- Syeikh Ibnu 'Athailah as-Sakandari. 2017. *Kitab al-Hikam dan Penjelasannya*. Yogyakarta: Noktah.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2013a. *Gender dalam Sastra Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2013b. *Islam, Feminisme Barat dan Sastra Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Maseri Wan Mohd. 2015. *Penyucian Hati dengan 99 Asmaul Husna*. Kuala Lumpur: SMK.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2012. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mawar Safei (corresponding author)  
 Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaran Melayu  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mel: mawar.safei@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted: 27 Februari 2019

